



GEREJA KRISTUS LIKAS

Mengenal dan Memperkenalkan Kristus

Bisyp Diosis: The Rt. Rev. Datuk Melder Jiki Tais

Suffragan Bisyp: The Rt. Rev. Kenneth Thien Su Yin

Rektor: Ven. (E) Moses Chin



Hubung

P.O. Box 18510, Pejabat Pos Besar Kota Kinabalu,
88670 Kota Kinabalu, Sabah

Pejabat: 088-426312, 213220 | Mudah alih: 019-6611558

<http://christchurchlikas.org/> | cclikas@gmail.com

Trinita 4 - 28 Jun 2026

Doa Hari Ini

Allah Mahakuasa, Engkau menunjukkan terang kebenaran-Mu kepada orang berdosa supaya mereka kembali kepada jalan kebenaran. Perkenankan kami serta semua yang telah dibenarkan masuk ke dalam persekutuan ibadah Kristus, menolak hal-hal yang bertentangan dengan pengakuan iman kami, dan mematuhi segala sesuatu yang bersetuju dengan pengakuan iman itu, melalui Yesus Kristus Tuhan Kami. Amin.

Injil - Matius 16:13-20

Bacaan Responsif - Kisah Para Rasul 2:14-24



AKU AKAN MENDIRIKAN JEMAAT-KU

MATIUS 16:18

**“Yesus, berkatilah jemaat-Mu
di Gereja Kristus Likas.”**

Kebaktian BM disiarkan **secara langsung, 11:30 pagi.**:

- YouTube: <https://www.youtube.com/>

[@christchurchlikas/streams](https://www.youtube.com/@christchurchlikas/streams)

Selamat datang ke pertemuan jemaat Tuhan. Marilah kita bersama-sama menghadap Tuhan Yesus yang telah bangkit, dan saling menguatkan untuk hidup setia dan mentaati-Nya.

1. PERJALANAN PEMURIDAN – 'GEREJAKU, KELUARGAKU'

Mengikuti kalendar gereja, kini kita berada dalam Musim Trinititi. Musim ini menekankan pentingnya kita terus bertumbuh sebagai murid-murid Yesus. Oleh itu, warna hijau digunakan sebagai lambang pertumbuhan.

Sepanjang musim ini, kita akan mengikuti satu siri khutbah tentang kehidupan kita bersama di Gereja Kristus Likas, serta bagaimana kita dapat saling mendorong untuk bertumbuh dalam iman. Siri ini diambil daripada kehidupan Gereja Mula-mula dalam Kitab Kisah Para Rasul. :

- Ciri-ciri Gereja
 - hari ini - 'Bersama dalam kesatuan', Kisah Para Rasul 2
 - 5 Julai - 'Belajar Bersama'
 - 12 Julai - 'Berkongsi Bersama'
 - 19 Julai - 'Bersukacita Bersama'
 - 26 Julai - 'Berdoa Bersama'
- Cabaran-cabaran Gereja
 - 2 Ogos - 'Penyalahgunaan', Kisah Para Rasul 3 & 4
 - 9 Ogos - 'Ketidakpercayaan', Kisah Para Rasul 5
 - 16 Ogos - 'Salah faham', Kisah Para Rasul 6



23 Ogos ialah Minggu Penetapan.

Berdoalah agar kehidupan kita sebagai satu tubuh gereja sentiasa dibentuk oleh Roh Allah dan Firman-Nya.

2. KONFERENSI ALKITAB

Sebagai sebahagian daripada 'Perjalanan Pemuridan', kami akan mengadakan Konferensi Alkitab dalam Bhs. Inggeris dan Bhs. Melayu:

- Tarikh: 14–15 Ogos (Jumaat & Sabtu)
- Tema: 'Di bumi seperti di syurga' – membentuk pandangan dunia Kristian, iaitu bagaimana memahami kehidupan di bumi dari perspektif syurga.
- Penceramah utama: Dr. Jason Garwood (Amerika Syarikat) – suami, bapa, ahli teologi dan pastor. - <http://jasongarwood.com>
- Maklumat lanjut akan menyusul.

Berdoalah agar semua perancangan ini membantu kita untuk bertumbuh sebagai murid Kristus.

3. SINOD DIOSIS

Dimaklumkan bahawa Sinod Diosis ke-34 akan diadakan pada 24–27 Ogos 2026 di Katedral All Saints. Gereja kita akan diwakili oleh semua paderi serta tiga wakil awam. Sinod merupakan badan pembuat keputusan tertinggi dalam diosis kita. Doakan agar sinod ini berjalan lancar dan dipimpin oleh hikmat Tuhan. Maklumat lanjut menyusul.

4. KELAS-KELAS PEMBAPTISAN DAN PENETAPAN

Kelas-kelas telah bermula mengikut ketetapan berikut:

- Bahasa Cina:
 - Sab & Ahd, 10:00 pg, ARK; Rab, 7:30 mlm
- Bahasa Inggeris, pejabat gereja:
 - Sel, 7:30 mlm; Jum, 7:30 mlm; Sab, 9:30 pg
- Bahasa Melayu, pejabat gereja:
 - Ahd, 9:30 pg; Sab, 3:30 ptg; Sab, 7:00 mlm

Kelas-kelas ini membantu para calon untuk memahami iman Kristian dan menghidupi kehidupan sebagai seorang Kristian.

5. VAN GEREJA BAHARU

Gereja kita memerlukan sebuah van baharu. Kedua-dua van yang digunakan pada masa ini telah lama berkhidmat, dan keselamatan para penumpang sentiasa menjadi keutamaan kita. Jika Tuhan menggerakkan hati anda, kami mengalu-alukan sumbangan bagi membantu pembelian van gereja yang baharu. Sila nyatakan "Van Gereja" semasa memberi.

Sementara itu, syukur kepada Tuhan kerana sasaran RM10,000 untuk membantu Gereja Anglikan Rangsit, Thailand, membeli van baharu telah berjaya dicapai. Terima kasih atas kemurahan hati dan sokongan semua.

6. PELAYANAN LAINNYA

- 4 Jul, (Sabtu) – Pelayanan **Evergreens**, Dewan Omega, 9.30 pagi.
- 20-23 Aug - **Empower Conference 2026**, Glory Christian Centre. Perlu mendaftar. Bishop Melter Tais merupakan salah seorang penceramah.
- 15-16 Sep - **Konvensyen Pelayanan di Tempat Kerja Borneo**, SICC. Dianjurkan oleh Alpha Malaysia. Pendaftaran diperlukan.
- Setiap Ahad petang, **sukan & permainan** tersedia: pickleball, bola keranjang, bola sepak dan bola tampar. Bawa rakan-rakan anda.
- **Gubahan Bunga** hari ini disumbangkan oleh Charles & Elizabeth.

7. UCAPAN TAKZIAH

Salam takziah kepada keluarga Mdm. Wong Nyuk Khun, 96 tahun, yang telah kembali ke pangkuan Tuhan pada Khamis, 25 Jun. Sebelum beliau berpindah ke ARK kira-kira enam bulan yang lalu, kami mengunjunginya setiap bulan untuk melayani Perjamuan Kudus. Beliau sentiasa ceria dan tidak jemu bersaksi tentang kebaikan Tuhan. Kehilangannya pasti akan dirasai.

Kebaktian Pengubumian akan diadakan pada esok, 29 Jun, jam 9.30 pagi, di gereja.

UNTUK PEMBERIAN DALAM TALIAN

RHB Bank | 2-10103-0001913-1

Christ Church Likas

Boost: <https://myboost.app.link/FPvG94VIT4>



'YANG KUKEHENDAKI IALAH MENGENAL KRISTUS'

- Filipi 3:10

Bacaan Alkitab minggu ini	Is, Jun 29	Why. 4	Mz 16	Jum, Jul 3	Why. 8	Mz 20
	Sel, Jun 30	Why. 5	Mz 17	Sab, Jul 4	Why. 9	Mz 21
	Rab, Jul 1	Why. 6	Mz 18	Ahd, Jul 5	Why. 10	Mz 22
	Kha, Jul 2	Why. 7	Mz 19			

Kis 2:14–24 – “Gereja Mula-Mula” - Untuk renungan & perbincangan:

- Seingat anda, bilakah anda mula datang ke gereja?
- 'Komuniti yang dipenuhi Roh Kudus'**
Apa yang berlaku kepada 120 orang murid pada hari Pentakosta (2:1–4)? Mengapa ia berlaku (2:16–18)? Hari ini, jika gereja bukan bangunan atau organisasi, apakah sebenarnya gereja itu? Siapakah anggotanya?
- 'Menyembah Yesus sebagai Tuhan'**
Sebagai salah seorang anggota gereja mula-mula, apakah pesan Petrus, (2:23–24, 36)? Apa maksud deklarasi “Yesus adalah Tuhan”? Bagaimana kita boleh menyembah Yesus sebagai Tuhan dalam kehidupan seharian kita, sama ada sebagai anak muda atau orang dewasa, seperti yang dinasihatkan dalam Roma 12:1?
- 'Menjadi Saksi bagi Yesus'**
Apakah pesan utama Petrus yang berulang (2:24, 31–32)? Kita tidak lagi menyaksikan kebangkitan Yesus secara langsung, tetapi bagaimana kita boleh menunjukkan Yesus yang bangkit melalui hidup dan pelayanan gereja kita (Kis 2:42–47)? Apakah juga cabaran untuk mengamalkan semua ini dalam kehidupan kita hari ini?
- Fikirkan seseorang yang memerlukan persekutuan gereja. Mungkin yang belum mengenal Yesus, atau yang sudah lama meninggalkan gereja. Berdoalah, dan usahakan untuk menjangkau mereka.

UNTUK DIDOAKAN

Negara yang Kita Kasih

- Berdoa agar rakyat Sabah dan Sarawak dapat memainkan peranan yang berkesan demi kesejahteraan negara.

Gereja Kristus Likas yang Kita Kasih

- Berdoa untuk Rektor, para paderi, pastor serta keluarga mereka; agar sentiasa sihat jasmani, mental dan rohani, serta mengasahi, memimpin dan melayani gereja dengan setia.

Diri sendiri

- Berdoalah agar kita menjadi anggota gereja yang hidup dan aktif, dengan mengasahi, melayani, memberi, berkongsi, serta membawa rakan-rakan kita kepada Yesus.

- Doakan untuk mereka yang dalam keperluan khusus, baik minda atau rohani; dan untuk 5 sahabat kita. Namakan mereka dalam doa anda.